

PENDAHULUAN

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan menyambut ulang tahun yang ke 30 pada 22 Februari 2022. Bertepatan dengan usia yang dianggap cukup 'matang' dan 'berpengalaman', program bersifat keilmuan seperti wacana amat sesuai dianjurkan bagi membina budaya keilmuan di kalangan masyarakat umum. Penganjuran program sebegini selaras dengan Pelan Strategik IKIM dalam pengukuhan penyampaian visi dan matlamat IKIM sebagai sebuah institusi yang menyampaikan kefahaman Islam sebenar kepada masyarakat.

Penganjuran Wacana Media yang dicadangkan setengah hari sahaja, dilihat penting bagi berkongsi pandangan dan pengalaman panel dalam mengendalikan tugas di radio yang terlibat dengan penerbitan rancangan, on-air, penganjuran acara atau apa sahaja tugas yang berkaitan dengan radio. Format program berbentuk forum membuka ruang kepada perbincangan yang lebih inklusif.

OBJEKTIF

Matlamat dan objektif Wacana Media ini adalah seperti berikut:

- Membina budaya keilmuan di kalangan masyarakat.
- Meluaskan jaringan IKIM dengan pelbagai institusi/organisasi.
- Memberi galakan kepada pelajar & mereka yang terlibat untuk mendapat sumber ilmu.